

15/08/2003

Najib minta ahli Umno usah sibuk berkempen

Kadir Dikoh

PETALING JAYA: Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak meminta ahli pada semua peringkat menumpukan perhatian ke arah mengukuhkan kedudukan parti bagi menghadapi pilihan raya umum, bukannya sibuk berkempen bagi pemilihan kepemimpinan Umno.

Sehubungan itu, katanya, tindakan `cantas mencantas' pemimpin Umno bahagian dalam proses mencadang senarai ahli jawatankuasa penaja sekarang perlu dielakkan kerana ia bukan bertujuan menguatkan kedudukan individu.

Sambil menafikan masalah berpuak-puak dalam Umno menjelang peralihan pucuk pimpinan Oktober ini semakin meruncing, beliau menasihatkan orang ramai supaya jangan melayan pelbagai khabar angin.

"Bermacam khabar angin di pasaran... jangan layan. Semuanya berjalan baik (dalam Umno). Jangan bimbang, penyokong (saya) adalah terkawal," katanya kepada pemberita selepas merasmikan gudang perabot Ikea di Mutiara Damansara di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas kemungkinan berlaku pertandingan jawatan tertinggi pada pemilihan Umno tahun depan selepas Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih kepemimpinan parti dan kerajaan daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akhir Oktober ini.

Selain Najib, dua lagi Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin mengulangi ikrar mereka di depan perwakilan perhimpunan agung parti ke-54 21 Jun lalu, untuk tidak mencabar sesiapa saja yang dipilih Abdullah sebagai Timbalan Perdana Menteri, bagi jawatan Timbalan Presiden Umno pada pemilihan tahun depan.

Bagaimanapun, penyokong ketiga-tiga Naib Presiden itu dikatakan sedang berkempen untuk memastikan calon mereka dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan jika tidak, akan berlaku pertandingan jawatan tertinggi Umno tahun depan.

Najib berkata, dalam Umno tidak wujud `team' pemimpin tertentu dan jika ada, ia cuma andaian yang sudah menjadi kebiasaan dalam politik.

Beliau juga menegaskan, proses pelantikan jawatankuasa penaja berjalan lancar kerana kebanyakan bahagian tidak menghadapi masalah.

"Kalau tak ada masalah, mungkin status quo dikekalkan. Kalau ada perubahan atas sebab-sebab tertentu, mungkin ada perubahan. Tetapi kita nak tengok apa sebab perlu ada perubahan.

"Ia masih berjalan sekarang, kita belum memuktamadkan lagi kerana masih menunggu cadangan daripada perhubungan negeri. Mereka sedang hantar (senarai nama) secara berperingkat," katanya.

Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno pada 31 Julai lalu membuat keputusan membubarkan jawatankuasa di semua 165 bahagian Umno, pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri serta meletakkannya di bawah jawatankuasa penaja sehingga pemilihan parti tahun depan.

Jawatankuasa penaja bahagian dan ketiga-tiga sayap Umno itu ditubuhkan serentak dengan penubuhan jawatankuasa penaja di 25 bahagian baru berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Berikutan keputusan itu, mereka yang menjadi ahli jawatankuasa bahagian sekarang boleh dilantik semula atau diganti dengan orang baru. Keputusan menentukan pelantikan penaja akan dibuat oleh Umno Pusat.